



UNTUK ALBUM: Abang Johari (dua kiri) diapit Shahrul (dua kanan) Mohamad Maulana (kiri) dan Nor Hakim (kanan) bergambar kenangan selepas mengadakan pertemuan di pejabatnya di Kuching selama 30 minit semalam.

KM terima kunjungan delegasi UPM Kampus Bintulu

KUCHING: Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu Sarawak semalam.

Pengarah UPM Kampus

Bintulu Profesor Madya Dr Shahrul Razid Sarbini mengetuai delegasi dengan mengadakan pertemuan selama 30 minit bersama Abang Johari di pejabatnya itu di sini.

Kedua-dua belah pihak

telah berbincang tentang sumbangan UPM Kampus Bintulu, Sarawak melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan khususnya dalam bidang pertanian dan perhutanan.

Turut serta dalam kun-

jungan berkenaan adalah Ketua Bahagian Strategik, Komunikasi Korporat dan Jaringan Profesor Madya Dr Mohamad Maulana Magiman dan Ketua Bahagian Pentadbiran Nor Hakim Ahmad.